

**Bumburing bertugas menarik undi Kadazandusun untuk Pakatan  
Malaysian Insider  
11 Ogos, 2012  
Oleh Clara Chooi**

KOTA KINABALU, 11 Ogos — Pakatan Rakyat hari ini memberi tugas kepada sekutu politik baru mereka Datuk Seri Wilfred Mojilip Bumburing untuk mendapatkan undi Kadazandusun dan Murut (KDM), dengan berharap etnik bekas pemimpin Barisan Nasional (BN) itu dapat membantu misi Pakatan memenangi hati masyarakat.

Wilfred Bumburing: Najib “pengechut” kerana hidup dalam bayangan Dr Mahathir. — Foto oleh Clara Chooi

“Kami ada senarai yang menunjukkan 24 kerusi dewan undangan negeri dan sembilan kerusi parlimen -- adalah kerusi KDM. Jika kita menang di sana, ia adalah satu kelebihan untuk Pakatan,” kata ahli parlimen Tuaran kepada The Malaysian Insider melalui temubual di sini.

Dia berkata calon-calon dari KDM juga datang dari pemimpin PR dan mereka yang popular di kawasan masing-masing.

Kebanyakan KDM adalah beragama Kristian walaupun sesetengahnya menganut agama Islam, dan dikatakan semakin tidak berpuas hati dengan pentadbiran BN yang gagal menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin.

Bumburing telah meninggalkan jawatannya sebagai timbalan presiden United Pasokmomogun Kadazandusun Murut Organization (UPKO) dalam parti pemerintah itu dengan menyokong PR beberapa minggu lepas.

Dia juga disertai oleh rakan dari BN yang keluar, ahli parlimen Beaufort, Datuk Seri Lajim Ukin yang pada ketika itu memegang jawatan timbalan menteri dan ahli majlis tertinggi Umno.

Kedua-duanya telah menubuhkan pergerakan mesra PR - Angkatan Pemuda Sabah (APS) dari Bumburing dan Pakatan Perubahan Sabah (PPS) untuk Lajim — sebagai pentas politik untuk pilihan raya akan datang.

BN bagaimanapun mengatakan mereka keluar parti bukan kerana prinsip tetapi mereka tidak dapat menjadi calon untuk pilihan raya akan datang.

Tetapi Bumburing berkata ini bukan isu yang sebenar.

Beliau memberitahu The Malaysian Insider yang dia sudah muak dengan pentadbiran BN, dengan kegagalan parti itu mempertahankan Sabah dari pendatang tanpa izin.

“Apa yang saya dapat kalau sertai pembangkang? Pilihan raya ini tidak tentu, anda boleh menang atau kalah, Pakatan mungkin akan kalah.

“Tetapi bagi kami, ini adalah alternatif terbaik untuk kami berjuang demi rakyat Sabah,” katanya lagi.

Ahli politik veteran itu berkata selain masalah BN yang gagal menunaikan janji menyelesaikan masalah imigran, masalah yang berlaku ialah pembangunan di Sabah berbanding di Semenanjung.

"BN telah gagal menjaga masyarakat di sini. Mereka di sini mahu pembangunan, tetapi mereka mengambil 95 peratus hasil minyak kami ke Kuala Lumpur, untuk projek mega kroni.

"Cuba lihat Menara Berkembar Petronas, Lebuh raya Utara-Selatan, apa yang kami ada? Kami di Sabah diibaratkan hanya makan pasir sahaja. Kami sudah tidak tahan dengan BN," katanya lagi.

Bumburing juga memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sebagai "pengecut" kerana hidup dalam bayangan Tun Dr Mahathir Mohamad, kerana enggan untuk menubuhkan Suruhanjaya Di Raja mengenai pendatang tanpa izin.

"Dia takut dengan Dr Mahathir. Dia pengecut. Kenapa datang sini nak umumkan Suruhanjaya Diraja hanya kerana kami telah meninggalkan parti? Rakyat telah bersama dengan kami," katanya lagi.

Dr Mahathir telah lama dituduh menjadi dalang kepada "Projek IC", inisiatif yang diberikan kepada pendatang asing untuk mendapatkan kewarganegaraan dan mendapatkan undi di negeri-negeri Malaysia di Borneo untuk BN kekal memerintah.

Najib di Sabah hari ini untuk bertemu dengan pemimpin BN negeri, dijangka untuk mengumumkan Suruhanjaya Diraja untuk pendatang tanpa izin sekaligus menyelesaikan masalah selama empat dekad itu.

Perdana menteri mengumumkan Suruhanjaya Diraja secara terperinci hanya selepas Bumburing dan Lajim keluar BN dan dikatakan strategi untuk mendapatkan semula keyakinan rakyat selepas kedua ahli politik veteran itu keluar parti.

Bumburing berkata walaupun Suruhanjaya Diraja telah menjadi apa yang beliau perjuangkan sepanjang karier politiknya bersama BN, beliau tidak akan mengiktiraf panel tersebut.

"Mereka tidak ikhlas. Yang kami tahu, kami tidak sekali-kali mempercayai pengumumannya," katanya lagi.

Bumburing memuji janji-janji PR kepada Sabah dan berkata masalah-masalah ekonomi di negeri di bawah bayu tersebut hanya akan selesai apabila BN disingkirkan dari Putrajaya.

Dia memberitahu bahawa pembangkang di Sabah adalah kuat tetapi memerlukan satu formula untuk menjadikan semuanya menjadikan "satu lawan satu" dalam setiap kerusi yang dipertandingkan.

"Kami percaya bila pilihan raya datang, rakyat akan berfikir, hanya ada dua parti jadi kita boleh kata ia antara BN atau Pakatan," katanya lagi.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bumburing-mahu-dapatkan-undi-kadaz-andusun-untuk-pakatan/>